



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN/REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
PENGOPERASIAN KOMPLEKS MINI SUKAN, TELOK KEMANG
DAERAH PORT DICKSON**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan berhasrat untuk menjalankan pengoperasian Kompleks Mini Sukan, Telok Kemang, Daerah Port Dickson yang terletak di Telok Kemang Port Dickson melalui kaedah sewaan kepada syarikat yang berminat.

Syarikat yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengoperasian kemudahan sukan, keupayaan teknikal dan kewangan yang kukuh bagi melaksanakan operasi tersebut berdasarkan syarat-syarat di Lampiran A adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan projek (RFP) yang lengkap kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Dokumen tersebut hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos kepada Pentadbiran ini pada pukul 12.00 tengahari pada 01 November 2022 di alamat berikut:

**Unit Kewangan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Tingkat 5, Blok A
Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Malek
70503 Seremban**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan dokumen yang dipos dan tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan yang dikemukakan. Untuk sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut berhubung perkara ini boleh menghubungi pegawai berikut:

Encik Mohd Yazid Bin Mustafa
06-6751311
myazid@ns.gov.my

Lampiran A

SYARAT-SYARAT BAGI PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP) PENGOPERASIAN KOMPLEKS MINI SUKAN, TELOK KEMANG DAERAH PORT DICKSON :

Maklumat asas berkaitan Kompleks Mini Sukan, Telok Kemang Daerah Port Dickson adalah seperti berikut:

LOKASI	INFRASTRUKTUR
Kompleks Mini Sukan, Telok Kemang Daerah Port Dickson	<ol style="list-style-type: none">1. Dewan Tertutup Serbaguna. (6 gelanggang badminton) (<i>Multipurpose</i>).2. Padang Bola Sepak.3. Gelanggang Futsal (Terbuka) berlampu.4. Gelanggang Tenis (Terbuka) berlampu.5. Gelanggang Sepak Takraw (Terbuka).

1. Pihak syarikat perlu bersedia menanggung sepenuhnya kos baikpulih dan penyelenggaraan infrastruktur di Kompleks Mini Sukan tersebut tanpa meletakkan apa-apa kos kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
2. Sekiranya terdapat cadangan atau perancangan untuk mengubahsuai atau modifikasi ke atas struktur Kompleks Mini Sukan tersebut, pihak syarikat perlu mendapatkan kelulusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan terlebih dahulu.
3. Pihak Syarikat perlu mematuhi syarat-syarat usahasama / sewaan / pajakan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan apabila beroperasi kelak.
4. Tempoh penyewaan adalah selama lima (5) tahun.
5. Segala kos yang terlibat dalam penyediaan dan urusan RFP ini adalah dibawah tanggungan oleh pihak syarikat sendiri.
6. Pihak syarikat adalah bertanggungjawab dan mempunyai inisiatif sendiri dalam melaksanakan kajian terperinci berkenaan cadangan pengoperasian seperti pelan pelaksanaan, cadangan bentuk kerjasama / pulangan tetap kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan juga mengemukakan maklumat terkini dan sah dalam kertas cadangan ini.
7. Hanya pihak berkeelayakan dan memenuhi syarat sahaja akan dipanggil bagi proses pemilihan selanjutnya.
8. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan yang dikemukakan serta tidak akan bertanggungjawab atas kerugian dan implikasi kewangan yang dialami pihak syarikat berkaitan pelawaan ini.

KOMPLEKS MINI SUKAN TELUK KEMANG

